

Pengurusan dan Prospek Ekonomi



Tinjauan

Sambutan lima puluh tahun kemerdekaan Malaysia menandakan satu lagi pencapaian dalam pembangunan ekonomi negara. Ketika mencapai kemerdekaan, negara sangat bergantung kepada bijih timah dan getah serta lebih daripada separuh penduduk berada dalam kemiskinan. Kini, ekonomi Malaysia mempunyai asas kepelbagaian yang meluas. Ia juga adalah negara perdagangan ke-19 terbesar di dunia dengan perdagangan melebihi RM1 trilion. Malaysia terus menikmati kestabilan politik walaupun penduduknya terdiri daripada berbilang kaum, namun hidup bersatu-padu. Pada masa yang sama, pendapatan per kapita telah meningkat 26 kali ganda kepada RM20,841 dan kadar kemiskinan telah berkurang di bawah paras 6.0%.

Dasar Kerajaan yang berpandangan jauh dan mesra perniagaan telah mentransformasi ekonomi. Transformasi ini telah membolehkan negara mencapai kadar pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding pertumbuhan yang mungkin dicapai sekiranya ekonomi bergantung kepada komoditi. Melangkah ke hadapan, Kerajaan telah menggubal Misi Nasional yang komited untuk meneruskan transformasi ekonomi ke arah menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Ke arah pencapaian matlamat ini, pengurusan ekonomi pada tahun 2007 memberi fokus kepada peningkatan daya tahan domestik untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan sebagaimana yang digariskan dalam Misi Nasional. Dalam konteks ini, inisiatif telah diambil untuk menggalakkan sektor swasta

memainkan peranan utama dalam pembangunan ekonomi. Usaha diambil untuk melonggar garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), mengurangkan cukai pendapatan syarikat kepada 26% pada tahun 2008 dan menarik pelaburan, khususnya melalui Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). Ke arah memperkasa pembangunan modal insan, tiga dokumen dasar utama, iaitu Pelan Induk Pendidikan 2006-2010, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara: Melangkaui Tahun 2020 dan Pelan Induk Tindakan Pengajian Tinggi 2007-2010 telah dilancarkan yang menyediakan asas bagi pewujudan tenaga kerja berinovatif dan berkemahiran. Usaha juga telah dilaksanakan untuk menangani isu keselamatan serta menambah baik sistem pengangkutan awam untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk. Ke arah menambah baik lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang dianggotai oleh pegawai tinggi Kerajaan dan peneraju industri dan Panel Pemantauan Penyampaian Awam (Panel 3P) telah ditubuhkan untuk mengkaji semula dan menambah baik proses dan prosedur perkhidmatan Kerajaan. Salah satu daripada inisiatif adalah penubuhan pusat sehenti (OSC) untuk mempercepat kelulusan dan penyerahan unit harta tanah yang telah siap.

Dalam melaksanakan langkah-langkah ini, Kerajaan kekal komited ke arah pertumbuhan dengan ekuiti serta pengurusan kewangan yang berhemat. Ke arah pertumbuhan yang seimbang dan saksama, langkah utama yang diambil, termasuk usaha mewujudkan lima koridor ekonomi di seluruh negara, mempergiatkan usaha

membasmi kemiskinan tegar dan meneruskan agenda Bumiputera melalui usaha seperti penubuhan Perbadanan Hartanah Bumiputera Berhad (PHBB). Kerajaan adalah pragmatik dan berhemat dalam mengekalkan defisit yang mapan. Peningkatan dalam perbelanjaan Kerajaan disokong sepenuhnya oleh peningkatan hasil. Konsolidasi fiskal yang berterusan kepada 3.2% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2007 memberi fleksibiliti kepada Kerajaan untuk menangani kejutan sektor luar. Pertumbuhan yang didorong oleh permintaan domestik dan kepelbagaian ekonomi memperkukuhkan daya tahan negara, terutamanya dalam konteks risiko pertumbuhan dunia berikutan ketidakseimbangan global dan ketidaktentuan pasaran baru-baru ini yang disebabkan oleh isu gadaian sub-prima.

Prestasi Tahun 2007

Bajet 2007 telah digubal untuk meneruskan pencapaian sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan seterusnya merealisasikan Wawasan 2020. Ke arah ini, Misi Nasional menggariskan lima teras utama dasar pembangunan iaitu meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi; meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'; menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif; meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup; dan mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan. Oleh itu, Bajet 2007 bertemakan '**Melaksanakan Misi Nasional Ke Arah Mencapai Wawasan Negara**', bagi menterjemah Misi Nasional kepada program dan projek untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi.

Pengurusan Fiskal Tahun 2007

Bajet 2007 telah memperkenalkan beberapa insentif untuk menambah daya tarikan negara kepada pelabur asing dan tempatan, meningkatkan daya saing dan merangsang kegiatan ekonomi. Perbelanjaan Kerajaan telah membantu memantapkan permintaan dalam

negeri, mempelbagaikan sumber pertumbuhan dan menggalakkan aktiviti sektor swasta. Perbelanjaan ini turut menyumbang kepada pengagihan kekayaan dan pendapatan yang lebih menyeluruh, terutamanya memanfaatkan golongan yang kurang bernasib baik di kawasan luar bandar dan bandar.

Pada tahun 2007, jumlah perbelanjaan dijangka meningkat 14.8% kepada RM164,743 juta. Peningkatan perbelanjaan ini berdasarkan kepada prestasi hasil yang lebih baik daripada punca cukai dan bukan cukai, yang masing-masing dijangka menyumbang RM96,196 juta dan RM45,593 juta daripada jumlah hasil pada tahun 2007. Setelah mengambil kira peningkatan perbelanjaan yang dipadankan dengan pertambahan hasil, Kerajaan dijangka terus mengkonsolidasi defisit fiskal pada paras 3.2% daripada KDNK. Defisit ini akan dicapai menerusi perseimbangan antara pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan dasar kemapanan fiskal.

Perbelanjaan mengurus akan terus memberi tumpuan kepada program dan projek yang berimpak tinggi kepada permintaan domestik, di samping memperteguh asas makroekonomi untuk merangsang pertumbuhan menyeluruh. Bagi perbelanjaan pembangunan, penekanan diberi kepada usaha meningkatkan kapasiti pengembangan ekonomi dan menambah baik perkhidmatan sosial. Ini termasuk akses pendidikan yang lebih baik, pembangunan sumber manusia serta peningkatan kualiti dan taraf hidup penduduk negara. Defisit fiskal akan terus dibiayai sebahagian besarnya oleh sumber domestik yang tidak memberi kesan inflasi. Kadar tabungan yang tinggi menyediakan mudah tunai yang berlebihan dalam sistem perbankan dan kewangan, seterusnya memenuhi keperluan pinjaman Kerajaan dan sektor swasta.

Meningkatkan Ekonomi Dalam Rantai Nilai Lebih Tinggi

Sektor Swasta Memainkan Peranan Utama

Misi Nasional memerlukan pihak swasta memainkan peranan utama bagi meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi. Bagi menyokong inisiatif

ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar mesra perniagaan, termasuk mengurangkan cukai pendapatan syarikat kepada 27% pada tahun 2007 dan kepada 26% pada tahun 2008. Bagi mengurangkan lagi kos kendalian perniagaan, beberapa inisiatif telah diluluskan. Ini termasuk pengecualian cukai selama 10 tahun bagi syarikat modal teroka yang melabur sekurang-kurangnya 50% daripada dana pelaburannya dalam pembiayaan *seed capital*. Koperasi dan badan amanah diberi potongan cukai sehingga 2.5% daripada pendapatan agregat yang dibayar sebagai zakat. Bagi mewujudkan kepastian dan ketelusan dalam pentadbiran cukai, Tribunal Kastam ditubuhkan sebagai tambahan kepada *advance rulings* yang disediakan oleh Kastam DiRaja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Selain itu, pelancaran koridor ekonomi telah memberi peluang kepada pelaburan swasta yang lebih tinggi.

PEMUDAH telah ditubuhkan bagi menyokong aktiviti perniagaan melalui penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Pada masa yang sama, beberapa inisiatif sedang dilaksanakan, termasuk penambahbaikan di Jabatan Imigresen bagi memproses jawatan ekspatriat. Selain itu, Jabatan Alam Sekitar mengurangkan tempoh menilai Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar dalam tempoh lima minggu daripada tarikh permohonan diterima berbanding tiga bulan sebelum ini. Dengan perkembangan ini, penyertaan sektor swasta dijangka tumbuh 7.1% dan menyumbang 0.8 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK.

Sektor Pertanian Moden dan Komersil

Sektor pertanian akan dibangunkan sebagai tonggak ketiga pertumbuhan ekonomi. Sehubungan itu, sektor ini akan ditransformasikan kepada sektor yang moden, komersil dan kompetitif. Pencapaian ketara telah dihasilkan dalam usaha memodenkan sektor ini. Malaysia terus kekal sebagai pengeluar dan pengeksport minyak sawit utama dunia dan usaha telah diambil untuk meningkatkan aktiviti bernilai tambah dalam industri ini. Ke arah ini, Rang Undang-undang Biofuel telah diluluskan pada tahun 2007 untuk merancakkan industri biodiesel. Sebagai tambahan, Dana Biodiesel dengan peruntukan sebanyak RM500 juta telah

diwujudkan bagi menggalakkan pengeluaran dan penggunaan biodiesel. Sehingga 28 Mac 2007, sembilan buah syarikat telah diberikan kelulusan untuk projek biodiesel yang kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Usaha diteruskan untuk menggalakkan sektor swasta meneroka sumber pertumbuhan baru, terutamanya dalam subsektor agro makanan. Pengeluaran makanan secara komersil dan berskala besar telah dilaksanakan melalui penubuhan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Taman ini bertujuan membangunkan usahawan tani dengan pendapatan minimum sebanyak RM3,000 sebulan. Sehingga akhir Mac 2007, 31 TKPM meliputi 2,426 hektar sedang beroperasi. Selain itu, pelaksanaan operasi Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu di Tanjung Manis, Sarawak akan merangsang pembangunan dan pengkomersilan perikanan laut dalam dan aktiviti pemprosesan yang berkaitan. Sementara itu, penubuhan Zon Industri Akuakultur di Sungai Como, Terengganu akan meningkatkan hasil akuakultur yang berkualiti tinggi.

Kerajaan telah meneruskan usaha dalam membangunkan industri halal yang berdaya maju dan kompetitif serta menggalakkan usahawan dalam negara menceburi bidang ini. Sehubungan itu, Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Pembangunan Halal sebagai agensi utama dalam menerajui piawaian, meningkatkan kapasiti pengeluaran, menyokong pelaburan dan mempromosi jenama halal Malaysia. Selain itu, bagi menangani kemiskinan di kalangan petani dan nelayan tradisional, Kerajaan menggalakkan perniagaan asas tani sebagai aktiviti alternatif. Ini membolehkan mereka lebih berdikari dan menjana pendapatan yang lebih stabil. Oleh itu, Kerajaan komited untuk membangunkan 10,000 usahawan tani dalam usaha menjadikan pertanian sebagai sektor komersil yang berdaya maju. Sehingga Julai 2007, seramai 2,600 usahawan tani dengan pendapatan bersih minimum sebanyak RM2,000 sebulan telah dipupuk.

Sektor Perkhidmatan Yang Dinamik

Kerajaan akan memperkukuhkan usaha bagi mewujudkan sektor perkhidmatan yang lebih dinamik dengan mensasarkan kegiatan sub-

sektor pelancongan, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), logistik, kewangan Islam, pendidikan dan kesihatan. Memandangkan industri pelancongan menyumbang dengan ketara kepada pendapatan tukaran asing, pelbagai program dan insentif disediakan untuk memastikan sasaran 20.1 juta kedatangan pelancong dan hasil sebanyak RM44.5 bilion tercapai. Dasar untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi menarik bagi aktiviti Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran akan meningkatkan hasil yang ketara lebih daripada 70% kepada RM4.5 bilion. Bagi menggalakkan lagi promosi industri pelancongan dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi perjalanan pilihan, Kerajaan telah mengurangkan cukai lapangan terbang bagi perjalanan domestik dan antarabangsa di terminal tambang murah Sepang dan Kota Kinabalu.

Bagi sektor kewangan, pelbagai langkah yang diambil untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan telah memantapkan daya tahan dan kemampuan institusi perbankan untuk beroperasi dalam persekitaran yang lebih mencabar dan kompetitif. Sektor perbankan telah bertambah teguh dengan permodalan yang kukuh dan paras pinjaman tidak berbayar yang semakin berkurangan. Kewangan Islam yang pada awalnya dipromosi sebagai sumber pertumbuhan baru telah mengalami perkembangan pesat menjadi salah satu sumber pertumbuhan penting dengan nilai aset sebanyak RM143.7 bilion dan menyumbang 12.1% kepada keseluruhan aset sektor perbankan pada akhir Jun 2007. Dari segi bon Islam, Malaysia merupakan penerbit *sukuk* terbesar di dunia, meliputi dua pertiga daripada jumlah terbitan *sukuk*, sementara Bon Islam dalam negara merangkumi 52% pasaran bon korporat tempatan.

Indeks Komposit Kuala Lumpur telah beberapa kali mencatat mata tertinggi pada tahun ini dan mencecah rekod tertinggi 1,392.18 mata pada 24 Julai 2007 dengan nilai pasaran sebanyak RM1,081 bilion atau 188.8% daripada KDNK. Pasaran bon Malaysia merupakan yang terbesar di Asia Tenggara dan antara yang terbesar di Asia Pasifik dengan nilai sebanyak RM527 bilion pada akhir Julai 2007 atau 92.1% daripada KDNK. Sementara itu, kemasukan bon Kerajaan Malaysia ke dalam Citibank World Government

Bond Index, penanda aras antarabangsa bagi bon berdaulat pada 1 Julai 2007, dijangka menarik lebih ramai pelabur asing terhadap bon Malaysia. Selaras dengan perkembangan positif ini, sektor perkhidmatan dijangka mencatat pertumbuhan kukuh 9.0%.

Merangsang Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan yang mempunyai hubungan rapat dengan kegiatan sektor lain terus dirangsang dengan pengumuman beberapa projek infrastruktur di bawah RMKe-9. Setakat 30 Jun 2007, sebanyak 26% daripada peruntukan RM44.5 bilion telah dibelanjakan untuk 29,913 projek yang kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Ini termasuk Projek Landasan Berkembar Rawang-Ipoh, Terminal Pengangkutan Bersepadu di Bandar Tasik Selatan, pelebaran Jambatan Pulau Pinang dan beberapa projek di bawah koridor ekonomi. Di samping itu, sektor ini turut disokong oleh lebih daripada 34,000 projek pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur awam dan projek pembangunan kecil di kawasan luar bandar. Beberapa inisiatif Kerajaan telah menggalakkan lagi kegiatan sektor pembinaan. Ini termasuk pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah, pengecualian daripada garis panduan FIC terhadap pemilikan asing dalam unit kediaman yang bernilai lebih daripada RM250,000, pemberian insentif untuk konsep bina-kemudian-jual dan penubuhan OSC bagi kelulusan bangunan dan perancangan pembangunan. Berdasarkan insentif yang telah diberikan, sektor pembinaan dijangka berkembang 5.2% pada tahun 2007.

Meningkatkan Keupayaan Pengetahuan dan Inovasi Negara serta Memupuk 'Minda Kelas Pertama'

Keutamaan akan terus diberikan kepada memperkasa pembangunan modal insan dengan mengkaji semula dan menyelaras sistem pendidikan. Ini bertujuan melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan, berkemahiran dan berinovatif serta mampu bersaing dalam persekitaran dunia yang mencabar. Pada masa yang sama, pembinaan sahsiah turut diberi

tumpuan dengan melibatkan lebih ramai pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum. Bagi tujuan tersebut, peruntukan yang lebih banyak disediakan untuk memastikan infrastruktur pendidikan mencukupi bagi meningkatkan kualiti proses pengajaran-pembelajaran dan juga standard sekolah, terutamanya menaik taraf sekolah luar bandar supaya setanding dengan sekolah bandar.

Memperkasa Sistem Pendidikan

Bagi menambahbaik akses dan kualiti pendidikan, terutamanya di kawasan luar bandar, Kerajaan telah menambah peruntukan sebanyak RM2.6 bilion bagi menambah baik infrastruktur, termasuk di Sabah dan Sarawak. Lebih kurang 2.2 juta pelajar dan 14,000 guru di luar bandar dijangka mendapat manfaat daripada peruntukan tambahan ini. Bagi mengurangkan kadar keciciran di kalangan kanak-kanak Orang Asli dan Penan, enam program *outreach* telah diperkenalkan untuk meningkatkan tahap pendidikan golongan ini. Dalam usaha menambah bilangan guru di kawasan luar bandar, dua institut latihan telah dikhaskan bagi melatih guru untuk penempatan kawasan luar bandar. Mereka yang berkhidmat di kawasan luar bandar akan menerima elaun khas antara RM500 hingga RM1,500 bergantung kepada jarak dan kesukaran untuk tiba ke sekolah masing-masing. Guru dan kakitangan sokongan yang berkhidmat di luar bandar juga layak menerima elaun tahunan bagi membiayai perbelanjaan perjalanan dan tempat tinggal apabila mereka pulang ke kampung halaman masing-masing. Kerajaan akan terus membina kuarters bagi guru dan kakitangan, terutamanya di kawasan luar bandar bagi mengatasi masalah perumahan. Selain itu, 432 daripada 728 sekolah di luar bandar yang belum menikmati bekalan elektrik 24 jam, kini telah dilengkapi dengan kemudahan tersebut. Pada masa yang sama, daripada 153 sekolah, 141 kini menerima bekalan air bersih.

ICT merupakan aspek penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini, di bawah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, beberapa projek sedang dilaksanakan meliputi infrastruktur ICT, perisian dan latihan. Sehubungan itu, seramai 247,804 guru telah diberi latihan ICT. Dari segi sokongan

perkakasan, terdapat 7,162 makmal komputer, manakala 123,725 komputer peribadi dan 173,000 komputer riba dibekalkan kepada sekolah. Usaha ini akan memastikan pelajar sekolah mempunyai pengetahuan ICT yang mencukupi dan mampu mengguna pakai pengetahuan tersebut bagi menjadikan mereka lebih relevan dengan keperluan ekonomi yang semakin dipacu oleh ICT.

Selain itu, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara: Melangkaui Tahun 2020 dan Pelan Induk Tindakan Pengajian Tinggi 2007-2010 telah dilancarkan yang bertujuan mentransformasi landskap pendidikan tinggi dengan objektif utama mewujudkan institusi pengajian bertaraf dunia dalam negara. Antara lain, Pelan Induk ini turut menggariskan pengwujudan Universiti Apex yang akan menarik kakitangan akademik dan pelajar terbaik. Di samping itu, universiti awam akan diberi kuasa autonomi yang signifikan dan standard pendidikan akan dinilai oleh badan bebas yang terdiri daripada golongan pakar.

Meningkatkan Peluang Graduan Mendapatkan Pekerjaan

Universiti tempatan dikehendaki mengkaji semula kurikulum setiap tiga tahun berbanding lima tahun sebelum ini bagi melengkapkan graduan dengan kemahiran mengikut keperluan pasaran pekerjaan. Dalam menjalankan kajian semula ini, universiti akan memperkenalkan modul *soft skills* seperti teknik pembentangan, peningkatan sendiri, keusahawanan serta program sangkutan industri bagi menyediakan pendedahan awal alam pekerjaan. Di bawah Skim Latihan Siswazah Pasaran Modal, seramai 517 graduan telah dilatih sejak dimulakan pada tahun 2003 manakala 500 graduan lagi akan dilatih pada tahun 2007. Latihan Kemahiran Industri Siswazah turut diperkenalkan sebagai program perintis kepada seribu siswazah, bertujuan memberi peluang yang lebih luas kepada siswazah teknologi maklumat (IT) untuk mendapat pekerjaan. Program ini, merupakan kerjasama antara sektor awam dan swasta yang terdiri daripada syarikat multinasional yang mempunyai reputasi baik dan menawarkan pelbagai peringkat sijil IT profesional. Di samping itu, bagi memastikan bilangan siswazah IT terlatih mencukupi serta memenuhi keperluan

syarikat MSC Malaysia, sekumpulan siswazah IT terpilih daripada universiti tempatan telah dihantar ke India bagi menjalani latihan di bawah Program 'Campus Connect'. Selain memperkukuh pengetahuan asas dalam bidang ICT, peserta program ini juga dapat meningkatkan kecerdasan dan fleksibiliti yang merupakan dua ciri utama yang diperlukan oleh syarikat MSC Malaysia. Pada masa yang sama, Program GREEN di bawah Khazanah Nasional, Skim Eksekutif Muda di bawah Kumpulan UEM dan Program ELITE di bawah Pos Malaysia adalah antara beberapa inisiatif GLC bagi menyediakan latihan industri dan meningkatkan peluang graduan mendapatkan pekerjaan.

Mendorong Pembelajaran Sepanjang Hayat

Penubuhan kolej komuniti di negara ini akan menyediakan peluang kepada lepasan sekolah untuk melengkapkan diri dengan kemahiran yang bersesuaian. Setakat ini, terdapat 37 kolej komuniti dan sembilan daripadanya ditubuhkan pada tahun 2007. Sejumlah 22,950 pelajar sedang mengikuti kursus di 37 kolej tersebut. Kursus yang ditawarkan sebahagian besarnya menjurus kepada latihan vokasional, terutamanya teknologi elektrik, hotel dan katering, teknologi komputer serta fesyen dan pakaian dengan penekanan kepada latihan praktikal. Sejajar dengan usaha Kerajaan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, kolej komuniti juga menyediakan peluang kepada penduduk di kawasan sekitarnya untuk mengikuti kursus perusahaan dan kemahiran jangka pendek bagi meningkatkan kemajuan diri.

Meningkatkan Kemahiran

Kemahiran teknologi dan keupayaan inovatif merupakan elemen utama dalam meningkatkan daya saing dan daya tahan negara. Sehubungan itu, Bajet 2007 memperkukuhkan program peningkatan kemahiran serta penaiktarafan politeknik dan pusat latihan kemahiran bagi memenuhi keperluan ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Institut latihan perindustrian di bawah Kementerian Sumber Manusia dijangka melatih lebih kurang 19,631 pelajar pada tahun 2007. Di samping itu, pusat pembangunan kemahiran

negeri telah memperluas kapasiti latihan bagi meningkatkan bilangan pekerja mahir dengan penekanan terhadap pengalaman bekerja melalui program sangkutan industri. Kursus baru seperti robotik dan sistem automasi telah diperkenalkan untuk menepati permintaan industri yang sedang berkembang. Di bawah program ini, seramai 56,994 individu dijangka dilatih pada tahun 2007. Selain itu, seramai 351,167 pekerja telah dilatih di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2007.

Menangani Masalah Ketidakseimbangan Sosioekonomi yang Berterusan Secara Membina dan Produktif

Kerajaan akan memastikan manfaat yang diperolehi daripada pertumbuhan ekonomi sewajarnya diagih secara saksama bagi menjamin kestabilan sosial dan perpaduan negara. Bagi merealisasikan hasrat ini, agenda pembangunan akan terus memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi di kalangan wilayah dan di antara kawasan luar bandar dan bandar. Antara lain, dua koridor ekonomi telah dilancarkan dengan program dan projek yang khusus bagi menangani masalah ketidakseimbangan.

Penubuhan Koridor Ekonomi

WPI telah dilancarkan pada 4 November 2006 untuk menjana aktiviti ekonomi dalam wilayah tersebut. Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar telah diwartakan dan akan mempercepatkan lagi pelaksanaan projek yang dirancang bagi Wilayah tersebut. Ini termasuk projek yang akan mengubah Wilayah ini menjadi hab logistik dan pelancongan. Kerajaan akan menyuntik RM4.3 bilion untuk membiayai beberapa projek infrastruktur kritikal bagi meningkatkan daya tarikan Wilayah ini kepada pelabur swasta. Ini merangkumi projek keselamatan, lebuh raya, jalan raya, penambahbaikan sungai dan pementasan.

Pelan Induk bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah dilancarkan pada 30 Julai 2007.

Wilayah ini merangkumi Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan utara Perak. Pelan ini akan memberi fokus kepada sektor perkhidmatan, pertanian dan pembuatan serta projek infrastruktur. Projek yang akan dilaksanakan di bawah NCER, termasuk Jambatan Pulau Pinang Kedua, Monorel Pulau Pinang, pusat komersil dan perniagaan. Pusat pengeluaran benih berhasil tinggi akan ditubuhkan di Perlis bagi merancakkan lagi aktiviti pertanian, sementara usaha untuk mempromosi Langkawi sebagai destinasi pelancongan akan diteruskan. Selain itu, Hulu Perak telah dikenal pasti bagi pembangunan pertanian herba dan penyelidikan bioteknologi.

Pelan pembangunan koridor telah dihasilkan melalui perbincangan dengan pihak swasta bagi memastikan pelan pembangunan diterima sepenuhnya oleh pihak swasta. Penduduk setempat dijangka mendapat faedah daripada peningkatan infrastruktur, peluang pekerjaan mahir dan aktiviti keusahawanan. Pelan bagi koridor ekonomi yang lain, iaitu koridor Pantai Timur, Sabah dan Sarawak sedang dibangunkan.

Membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera

Kerajaan komited dalam menggalakkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang lebih kompetitif dan produktif bagi membolehkan mereka menyumbang dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi. Untuk tujuan ini, usaha telah diambil bagi membangunkan usahawan Bumiputera yang berdikari dan cekal, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera yang berdaya tahan serta memperluaskan peluang pendidikan dan latihan kepada golongan profesional dan pengurus Bumiputera, terutamanya dalam sektor swasta. Di bawah program pembudayaan keusahawanan, seramai 310,000 Bumiputera akan dilatih dalam pelbagai bidang, sementara 55,000 usahawan dan syarikat dilahirkan melalui program pembangunan perniagaan. Program juga sedang dilaksanakan bagi menggalakkan pengembangan rangkaian perniagaan dan kluster di kalangan perusahaan Bumiputera dan di antara perusahaan Bumiputera dengan bukan Bumiputera serta di antara

perusahaan Bumiputera dengan GLC. Peranan agensi amanah, GLC dan koperasi akan terus diperkukuhkan. Bagi menggalakkan penyertaan lebih ramai Bumiputera dalam bidang pertumbuhan sumber baru yang berdaya maju, terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pembuatan, pertanian dan industri asas tani, usahawan Bumiputera digalakkan membina keupayaan perniagaan dan mengasah daya niaga bagi membolehkan mereka meneroka bidang-bidang tersebut. Selain itu, bagi meningkatkan penyertaan dan pemilikan hartanah Bumiputera dalam hartanah komersil di lokasi perniagaan utama di bandar, PHBB telah ditubuhkan bagi membeli hartanah utama di beberapa kawasan di bandar.

Meningkatkan Tahap dan Kemapanan Kualiti Hidup

Usaha turut dilaksanakan untuk meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup, antaranya merangkumi pengangkutan awam di bandar, peningkatan keselamatan awam, penjagaan alam sekitar dan tanggungjawab sosial korporat. Ke arah ini, program dan projek yang konkrit akan terus diberi keutamaan.

Sistem Pengangkutan Awam Yang Cekap

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam. Rangkaian sistem pengangkutan yang cekap, selamat dan bersepadu adalah penting bagi menepati keperluan pengangkutan awam bagi penduduk, mengurangkan kesesakan dan pencemaran serta meningkatkan produktiviti. Rasionalisasi laluan dan perkhidmatan sedang dilaksanakan di Lembah Kelang dengan Syarikat Prasarana Negara Berhad dipertanggungjawabkan untuk merancang dan melaksanakan sambungan sepanjang 15 km bagi Aliran Ampang (sebelum ini dikenali sebagai STAR) dari Seri Petaling ke Puchong/USJ dan sambungan sepanjang 15 km bagi Aliran Kelana Jaya (sebelum ini dikenali sebagai PUTRA) dari Kelana Jaya ke Subang/USJ. Sambungan ini akan meningkatkan lagi perhubungan, mewujudkan kaedah perjalanan alternatif dan mengatasi kesesakan di pusat bandar Kuala Lumpur serta kawasan sekitarnya.

Pada masa yang sama, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah menyambung perkhidmatan KTM Komuter dari Rawang ke Rasa pada April 2007 dan seterusnya, ke Tanjong Malim pada tahun 2008. Pembinaan landasan berkembar dari Sentul ke Batu Caves sedang dalam pelaksanaan. KTMB juga sedang membaik pulih 50 set gerabak KTM Komuter untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan dan keselesaan penumpang. Selain itu, beberapa stesen dan perhentian di sepanjang laluan Shah Alam, Subang Jaya, Bank Negara, Serdang, Kajang dan Seremban akan dinaiktaraf. Kerja pembinaan Terminal Pengangkutan Bersepadu di Bandar Tasik Selatan sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun.

Di wilayah utara, perkhidmatan bas awam oleh RapidPenang mulai 31 Julai 2007 dan Projek Monorel Pulau Pinang dijangka menambah baik sistem perkhidmatan pengangkutan di negeri tersebut. Projek ini dijangka akan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dengan ketara dan seterusnya meningkatkan produktiviti dan kualiti hidup di Pulau Pinang.

Mempertingkatkan Keselamatan Awam

Kerajaan komited untuk memastikan persekitaran yang aman dan selamat bagi orang awam dan komuniti perniagaan. Beberapa langkah bagi menangani masalah keselamatan awam, termasuk menambah baik kapasiti dan kecekapan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sedang dilaksanakan. Televisyen litar tertutup telah dipasang di kawasan kerap berlaku jenayah, manakala tambahan 2,000 kereta peronda polis telah disediakan bagi meningkatkan kehadiran anggota polis dan mempercepat masa tindak balas. Selain itu, PDRM telah mengambil langkah mengeratkan hubungan dengan orang awam melalui strategi polis komuniti bagi mengurangkan jenayah. Dalam usaha meningkatkan kecekapan, PDRM telah memperkenalkan e-aduan bagi membolehkan orang awam memberi maklum balas dan juga sebagai kaedah tambahan bagi melaporkan jenayah. Usaha ini dijangka menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan kadar jenayah.

Pemeliharaan Alam Sekitar

Kerajaan terus menggalakkan pemuliharaan alam sekitar bagi memastikan pengurusan sumber alam yang lebih bersepadu dan mapan. Bagi menggalakkan konsep 3R (mengurang, mengitar dan mengguna semula) dalam pengurusan sisa pepejal dan mengurangkan beban ke atas sumber alam, Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang diluluskan baru-baru ini memberi mandat dalam menyisih sisa pepejal di peringkat punca. Rang Undang-undang ini membolehkan Kerajaan mengadakan skim rebat deposit dan sistem ambil-semula untuk meningkatkan industri kitar dan guna semula. Penubuhan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam akan memperkemaskan pengurusan sisa pepejal, manakala penggunaan sumber akan dimanfaatkan secara efektif dan efisien. Pada masa yang sama, inisiatif ini akan membantu menangani masalah alam sekitar dan isu berkaitan tapak pelupusan yang kotor.

Penggalakan penggunaan Tenaga Diperbaharui (RE) merupakan salah satu strategi bagi mengurangkan tahap pencemaran dan meningkatkan kualiti udara serta mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil. Kerajaan menggalakkan penggunaan tenaga solar sebagai RE dan salah satu inisiatif tersebut adalah Program SURIA 1000 Kebangsaan. Program ini yang diusahakan bersama Kerajaan, United Nations Development Programme dan Global Environment Facility membolehkan pemilik kediaman dan komersil menikmati rebat antara 40% hingga 75% bagi peralatan *building integrated photovoltaic* (BIPV) dan kos pemasangannya. Pelaksanaan program ini akan mewujudkan pasaran bagi teknologi BIPV, mengurangkan pelepasan karbon dan mencapai objektif mempelbagaikan sumber tenaga dalam tempoh jangka panjang.

Memupuk Tanggungjawab Sosial Korporat

Mengambil kira sumbangan positif syarikat korporat melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR), Kerajaan telah menaikkan had

potongan cukai terhadap sumbangan mereka kepada organisasi kebajikan daripada 5% kepada 7% berasaskan pendapatan agregat. Antara aktiviti yang digalakkan di bawah CSR adalah melaksanakan program sekolah angkat dan institusi kebajikan angkat. Syarikat korporat terus menyambut baik seruan ini dan telah banyak menyumbang dalam aktiviti seperti pendidikan, sukan, pembangunan komuniti dan alam sekitar. Beberapa syarikat menghubungkan aspek CSR kepada penunjuk prestasi utama serta mengintegrasikannya dengan budaya korporat. Khazanah Nasional dan beberapa GLC telah merintis program PINTAR (menggalakkan kepintaran, memupuk bakat dan mendukung tanggungjawab), bertujuan meningkatkan pencapaian pendidikan pelajar di kawasan luar bandar, terutamanya di kalangan Bumiputera. Program ini yang pada awalnya melibatkan 42 sekolah di Pulau Pinang akan diperluaskan ke negeri-negeri lain.

Mengukuhkan Keupayaan Institusi dan Pelaksanaan

Kerajaan komited dalam menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam memandangkan sistem penyampaian Kerajaan yang cekap dan telus penting bagi memastikan pembangunan negara berjalan lancar. Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam menepati kehendak masyarakat. PEMUDAH ditubuhkan untuk melicinkan aktiviti perniagaan di Malaysia. Perkhidmatan dalam talian melalui portal myGovernment diperkenalkan bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan, produktiviti dan keseluruhan kualiti perkhidmatan awam. Setakat ini, Jabatan Pengangkutan Jalan, PDRM, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Insolvency dan Jabatan Pendaftaran Negara menyediakan pelbagai perkhidmatan yang boleh dicapai melalui portal tersebut. Ini termasuk semakan dan pembayaran saman; penjadualan dan pengambilan ujian undang-undang jalan raya dan pembaharuan lesen memandu; serta semakan status muflis. Selain itu, beberapa perkhidmatan telah disediakan melalui perkhidmatan pesanan pendek.

Bagi menambah baik urusan permohonan pembangunan, proses perancangan dan kelulusan telah diperkemas dan dipercepatkan dengan penubuhan OSC. Permohonan pembangunan tanah, permit perancangan dan pelan bangunan akan diproses serentak, sekali gus mengurangkan masa memproses dengan ketara. Dalam usaha mempercepat penyerahan unit yang telah siap, Sijil Kelayakan Menduduki telah diganti dengan Sijil Penyiapan dan Pematuhan yang disahkan oleh pihak profesional yang berkaitan.

Usaha yang diambil setakat ini telah membawa kepada peningkatan ketara dalam kualiti perkhidmatan seperti dalam laporan World Bank's Governance Matters 2007: Worldwide Governance Indicators 1996-2006. Malaysia telah mencatat peningkatan dari segi keberkesanan kerajaan, kualiti pengawalseliaan dan kawalan rasuah. Kerajaan terus komited dalam meningkatkan lagi sistem penyampaian dan seterusnya mewujudkan persekitaran kondusif yang membolehkan perniagaan terus maju dan masyarakat mendapat manfaat.

Prestasi Ekonomi

Melalui langkah dan inisiatif tersebut, keseluruhan sektor ekonomi dijangka terus berkembang. Dalam persekitaran inflasi dan pengangguran yang rendah, tabungan yang tinggi, kadar tukaran asing yang menggalakkan serta imbalan akaun semasa yang kukuh, asas makroekonomi negara kekal mantap. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang teguh pada kadar 6.0% pada tahun 2007. Sektor perkhidmatan dengan jangkaan pertumbuhan 9.0% terus menjadi penyumbang utama kepada KDNK benar bersandarkan kecergasan aktiviti dalam perkhidmatan perantara yang terdiri daripada kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan, pengangkutan dan penyimpanan serta industri komunikasi. Sektor pembuatan dijangka beransur pulih dan berkembang pada kadar 3.1% berikutan jangkaan pemulihan dalam permintaan elektronik dunia pada separuh tahun kedua. Dari segi permintaan, pertumbuhan akan dipacu oleh perbelanjaan sektor awam dan swasta yang mapan berikutan

sentimen perbelanjaan pengguna yang kukuh, keyakinan perniagaan dan perbelanjaan Kerajaan yang tinggi. Keluaran Negara Kasar (KNK) nominal dianggarkan meningkat 9.4% kepada RM607,212 juta, dengan pendapatan per kapita meningkat 7.2% kepada RM22,345 (2006: 9.9%; RM20,841). Dari segi Pariti Kuasa Beli (PPP), pendapatan per kapita dijangka meningkat 13.9% kepada USD13,289 pada tahun 2007 (2006: 13.0%; USD11,663).

Melangkah Ke Arah 2008

Isu dan Peluang

Berasaskan kepada momentum pertumbuhan sepanjang dua tahun pertama RMKe-9, pengurusan ekonomi pada tahun 2008 akan memberi tumpuan kepada dasar dan strategi untuk menggalakkan pertumbuhan berterusan. Dalam ekonomi domestik, usaha untuk mengekalkan daya saing memerlukan sektor awam dan swasta meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Selain itu, peningkatan dalam nilai rantai *adalah sine qua non* bagi membolehkan ekonomi kekal di atas landasan pertumbuhan kukuh. Oleh itu, usaha berterusan untuk meningkatkan sistem pendidikan, kemahiran dan latihan akan menyediakan asas kepada tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran yang merupakan prasyarat dalam ekonomi berasaskan pengetahuan. Di samping itu, usaha menggalakkan lebih banyak aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta merangsang budaya inovasi adalah amat perlu untuk mendorong ekonomi ke batasan pengetahuan dan teknologi.

Memandangkan iklim pelaburan yang kondusif dan persekitaran operasi yang kompetitif, Malaysia akan terus menarik lebih banyak pelaburan langsung asing. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah, termasuk melonggarkan peraturan tukaran asing, menambah baik persekitaran pelaburan asing dalam pasaran hartanah serta meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam untuk mengurangkan kos kendalian perniagaan. Walau bagaimanapun, masih terdapat peluang untuk menggandakan usaha bagi menghasilkan strategi yang lebih inovatif dan fokus untuk menarik pelabur.

Memperkuhkan daya tahan ekonomi merupakan objektif strategik penting yang memerlukan perkembangan ekonomi menyeluruh dan dasar fiskal yang mapan. Ini adalah bagi membolehkan negara untuk menghadapi ketidakpastian persekitaran luar. Usaha untuk mempelbagaikan destinasi eksport ke lebih banyak pasaran serantau akan membantu mengimbangi kelemahan permintaan eksport dalam pasaran tradisional, sementara eksport bernilai tambah tinggi akan membantu menghadapi tekanan persaingan daripada ekonomi membangun. Mengekalkan dasar fiskal yang mapan adalah sangat penting dalam mengurus ekonomi, sementara tahap rizab antarabangsa yang selesa akan mengimbangi impak negatif daripada aliran keluar modal jangka pendek.

Memastikan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan pengagihan pendapatan yang saksama terus menjadi strategi Kerajaan dalam usaha menentukan setiap lapisan masyarakat memperoleh manfaat daripada pembangunan ekonomi. Sehubungan itu, perkongsian sektor awam-swasta adalah sangat penting bagi merealisasikan objektif sosioekonomi negara. Ini seterusnya akan memastikan kestabilan sosial dan perpaduan kaum yang merupakan dua tonggak utama bagi pertumbuhan jangka panjang.

Pencemaran alam sekitar memberi kesan kepada ekonomi. Oleh itu, Kerajaan akan memastikan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan pengurusan alam sekitar. Ini seterusnya menyarankan kepada pengurusan alam sekitar yang lebih baik termasuk mengurus sisa buangan aktiviti ekonomi dan isi rumah. Pendidikan dan program kesedaran awam 3R boleh membantu mengatasi peningkatan sisa buangan. Selain itu, keindahan dan keseimbangan ekologi perlu dipelihara sementara kesedaran awam mengenai kepentingan kualiti alam sekitar harus ditingkatkan. Dalam hubungan ini, terdapat peluang bagi menggembeleng semua pihak yang terlibat untuk bekerjasama dalam melaksanakan pengurusan sumber alam yang mapan.

Selain cabaran domestik, faktor risiko daripada persekitaran luar akan diambil kira dalam pengurusan ekonomi. Risiko ini adalah termasuk, ketegangan geopolitik di Timur Tengah dan beberapa negara pengeluar minyak yang

lain terus mencetus kebimbangan terhadap ketidaktentuan bekalan dan harga minyak mentah. Walaupun ekonomi Amerika Syarikat dijangka akan terus mencatat pertumbuhan, impak krisis kewangan gadaian subprima ke atas ekonomi secara keseluruhan, dolar Amerika Syarikat yang lemah, defisit berkembar dalam bajet dan akaun semasa yang semakin besar, terus kekal sebagai risiko yang akan menjejaskan pertumbuhan tersebut. Ketidakseimbangan global, kenaikan harga aset dan ketidaktentuan pasaran kewangan menambahkan lagi kebimbangan berlakunya perubahan pasaran kewangan secara mendadak dan tidak terkawal yang boleh mengancam pertumbuhan, perdagangan dan aliran kewangan.

Pengurusan Ekonomi 2008

Cabaran yang dihadapi oleh ekonomi akan ditangani secara komprehensif bagi memastikan negara terus berada di atas landasan pertumbuhan kukuh. Pengurusan ekonomi pada tahun 2008 akan memberi fokus kepada mengekalkan kestabilan makroekonomi dan meningkatkan daya saing bagi memastikan ekonomi berada atas landasan pertumbuhan mapan, seterusnya mencapai objektif pengagihan yang saksama. Fokus kepada pengagihan pendapatan adalah hasil dari kesedaran bahawa pertumbuhan ekonomi harus memberi manfaat kepada semua pihak. Peluang yang saksama harus diberikan kepada masyarakat untuk menyertai aktiviti ekonomi dan sosial bagi mendapatkan manfaat sepenuhnya, maju selaras dengan kemakmuran yang dihasilkan dan menikmati taraf dan kualiti hidup yang lebih baik. Menikmati kemakmuran secara saksama oleh setiap lapisan masyarakat sangat penting bagi menentukan pertumbuhan jangka panjang yang akan memupuk perpaduan dan keharmonian sosial.

Ke arah mempertingkatkan daya saing, Kerajaan akan terus memperluas dan meningkatkan lagi potensi aktiviti nilai ditambah dalam negara. Oleh itu, langkah akan diperkenalkan kepada pengilang sedia ada untuk beralih kepada teknologi yang lebih tinggi dan pelaburan baru dalam sektor pembuatan bernilai tinggi. Tumpuan akan diberikan

untuk menggalakkan pertumbuhan PKS, termasuk akses kepada kewangan, pemerolehan teknologi, R&D dan promosi produk serta eksport. Dalam hal yang sama, sektor perkhidmatan dan pertanian, termasuk bioteknologi akan diberi penekanan sewajarnya bagi membolehkan sektor ini meningkat dalam rantai nilai lebih tinggi.

Pelaburan memainkan peranan penting bagi meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi serta memerlukan perkongsian awam-swasta untuk memaksimumkan manfaatnya. Kerajaan akan memastikan persekitaran pelaburan yang kondusif dengan adanya dasar dan prosedur yang lebih jelas dan koheren. Ini akan meningkatkan tahap kepastian dan seterusnya membolehkan sektor swasta menimbang keputusan pelaburan yang penting berdasarkan perspektif jangka panjang. Usaha akan turut difokuskan kepada menyelaraskan kerangka pelaburan dan insentif serta mengkaji semula pelaksanaan undang-undang dan peraturan bagi memastikan ianya selaras dengan hasrat dan dasar Kerajaan.

Memperkuh sistem penyampaian perkhidmatan awam merupakan strategi berterusan bagi memastikan sektor ini berperanan sebagai pemudahcara dalam menyokong pertumbuhan yang dipacu oleh sektor swasta, di samping memastikan perkhidmatan yang utama disampaikan dengan cara yang paling cekap. Ini bertujuan untuk membangun sektor awam yang mengutamakan prestasi serta berpanduan proses membuat keputusan yang telus dan berintegriti. Penekanan juga akan diberikan kepada peningkatan keupayaan institusi dan kepakaran dalam mengurus kemudahan dan infrastruktur awam yang kritikal. Di samping itu, perakuan PEMUDAH akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Pengurusan ekonomi pada tahun 2008 turut memberi penekanan ke arah memperkasa pembangunan modal insan. Sehubungan itu, strategi ini akan menekankan kepada memenuhi peningkatan permintaan pekerja mahir dan berpengetahuan bagi menyokong dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Selaras dengan itu, langkah juga akan dikhususkan

kepada penambahbaikan sistem pendidikan, terutamanya kualiti pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan di sekolah dan universiti. Selain itu, usaha akan diperkukuhkan bagi menambah baik institut latihan kemahiran dan industri bagi menepati permintaan terhadap tenaga kerja mahir. Bagi pelajar yang kurang cenderung dalam akademik, peluang untuk mereka mengikuti kursus berorientasikan kemahiran akan disediakan untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan yang sesuai pada masa hadapan. Memandangkan pentingnya pendidikan, Kerajaan akan memastikan setiap kanak-kanak mendapat pendidikan asas.

Kerajaan akan memastikan kesejahteraan seluruh penduduk Malaysia dengan memperluas dan menambah baik kemudahan infrastruktur. Usaha juga akan ditumpukan kepada pembinaan rumah mampu milik dan penjagaan kesihatan bagi golongan miskin, warga emas dan orang kurang upaya. Selain itu, Kerajaan akan menggandakan usaha untuk membasmi kemiskinan tegar melalui aktiviti menjana pendapatan.

Prospek

Ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan pesat dengan KDNK benar berkembang di antara 6.0% dan 6.5% pada tahun 2008. Ini merupakan peningkatan 6.8% dalam pendapatan per kapita nominal daripada RM22,345 pada tahun 2007 kepada RM23,864 pada tahun 2008, atau daripada PPP, ianya meningkat daripada USD13,289 kepada USD14,206. Dengan kadar pengangguran 3.3%, ekonomi Malaysia akan terus beroperasi pada guna tenaga penuh. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memastikan kemapanan fiskal, defisit fiskal akan terus dikurangkan kepada 3.1% daripada KDNK. Kedudukan imbalan pembayaran negara dijangka kekal kukuh dengan akaun semasa mencatat lebihan bagi sebelas tahun berturut-turut. Lebihan akaun semasa berjumlah 13.0% daripada KDNK disumbang oleh akaun barangan dan perjalanan. Perkembangan ini adalah petanda baik bagi penduduk dan memastikan negara berada di landasan ke arah mencapai Wawasan 2020.